



Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Limited. Permission required for reproduction.

Publication: Berita Harian

Date: Saturday, 15 April 2023

Page: 16

Headline: Majlis buka puasa bagi keluarga bekas pesalah

Link: <https://www.beritaharian.sg/setempat/majlis-buka-puasa-bagi-keluarga-bekas-pesalah>

**Berita Harian** ◆ SAJIAN KHAS HARI INI: SEMANGAT RAMADAN



**EDAR CENDERAHATI:** Enok Aman Jaafar, rakan kongsi pengurusan firma undang-undang RHTLawAsia, yang mewakili penaja OneRHT Foundation, menyampaikan beg cenderahati mengandungi makanan ringan dan kuih-muih kepada benefisiari NeuGen Fund. — Foto-Foto NEUGEN



“Kanak-kanak adalah masa depan kita. Pemerintah akan terus bekerjasama dengan rakan kongsi seperti NeuGen untuk memastikan kanak-kanak kita menerima sokongan yang mereka perlukan untuk membesar dengan baik. Saya juga ingin memberi jaminan kepada anda bahawa pemerintah sedang bekerja keras dengan semua rakan kongsi untuk menyokong anda dan orang yang anda sayangi.”

— Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara), Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, semasa berucap di majlis buka puasa anjuran NeuGen Fund (gambar kiri).

## Majlis buka puasa bagi keluarga bekas pesalah

Majlis anjuran NeuGen Fund, badan amal yang dibentuk Iscos bagi sokong keluarga, kanak-kanak pesalah dadah

Di bulan yang suci ini, True Hearts.sg sedang mengumpul dana, bertujuan membantu hampir 280 keluarga serta pendidikan anak-anak mereka yang sedang menghadapi kesulitan. Mereka juga ingin bersahur dan berpuasa seperti keluarga yang lain. Kami merayu agar masyarakat dapat meringankan beban mereka. Insya'ALLAH.

**TOLONG KAMI BANTU MEREKA**

**Zakat Harta/Fidyah**

Kami mengalu-alukan pembayaran Zakat Harta dan juga Fidyah dalam organisasi kami kerana ia akan membantu kami membantu keluarga-keluarga yang memerlukan.

**PAKEJ WAQAF PENDIDIKAN**  
UNTUK ANAK-ANAK DHUFA & YATIM

- Waqaf \$100 Sejadah
- Waqaf \$300 Quran Jilid 30 Juz
- Waqaf \$500 Islamic Phone Tablet 4G 7 inch

**"Share Your Food"**

Kami mengalu-alukan pembayaran Zakat Harta dan juga Fidyah dalam organisasi kami kerana ia akan membantu kami membantu keluarga-keluarga yang memerlukan.

**"FOOD RATION"**  
\$70 PAKEJ BUKUKAN KULIAH

12 Woodlands Square, #02-66 Singapore 737715 +65 8882 5322 info@trueheartssg.org Mon - Fri: 10.00am To 6.00pm

**CARA CARA MEMBUAT PEMBAYARAN**

MEMALUKI BANK TRANSFER DI MARIKANK AJZET NO. 00041087574

DEBITAL CHEQUE ATAS MAWA TRUE HEARTS.SG

PENGAMALAN DEBITAL ATAL ZAKAT HARTA DI RUMAH

PRINTING KE JEN RM 120SS0168C

**IZWANDI AZMAN**  
izwandi@sph.com.sg

SEKITAR 500 tetamu yang terdiri daripada keluarga bekas pesalah berpendapatan rendah menghadiri majlis buka puasa yang dianjurkan oleh NeuGen Fund pada Rabu.

NeuGen adalah sebuah badan amal yang ditubuhkan oleh Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) yang menyokong kanak-kanak dan keluarga bekas pesalah.

Majlis iftar itu, yang diadakan di HomeTeamNS Khair, adalah acara Ramadan pertama secara fizikal di anjurkan NeuGen sejak pandemik Covid-19 melanda.

Acara itu disertai tetamu terhormat, Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara), Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim.

Sejak 2017, NeuGen telah menyokong lebih 1,000 kanak-kanak dan keluarga bekas pesalah dengan tujuan untuk mencegah kesalah merentasi generasi.

Badan amal itu telah berkhidmat, secara purata, kepada 500 kanak-kanak dan 250 keluarga setiap tahun.

Ini dicapai melalui pendekatan holistik dan intervensi proaktif melalui pendidikan, memperkasakan keyakinan serta dan membina persekitaran yang memupuk.

Semasa majlis iftar itu, NeuGen menekankan bahawa terdapat kaitan yang kukuh antara pemertajaan ibu bapa dengan risiko kanak-kanak terjerumus dalam kancan jenayah pada masa hadapan.

Cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak dan keluarga bekas pesalah termasuk ketidakhadiran ibu bapa, kesempatan kewangan, perasaan sedih ditinggalkan, harga diri yang rendah, perasaan malu dan stigma daripada masyarakat.

Menurut Majlis Khidmat Sosial Kebangsaan (NCSS) Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF), kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa pesalah adalah tiga kali lebih berkemungkinan menjadi pesalah.

Sementara itu, satu daripada setiap lima kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang diberikan akribah salah guna dadah menghadapi risiko ikut jejak sama antara generasi, menurut Perkhidmatan Penjara Singapura.

Bercakap di majlis itu, Dr Faishal mengiktiraf NeuGen atas usaha berterusan mereka untuk mempromosikan ikatan dan kebersamaan keluarga.

“Kanak-kanak adalah masa depan kita. Pemerintah akan terus bekerjasama dengan rakan kongsi seperti NeuGen untuk memastikan kanak-kanak kita menerima sokongan yang mereka perlukan untuk membesar dengan baik.”

“Saya juga ingin memberi jaminan kepada anda bahawa pemerintah sedang bekerja keras dengan semua rakan kongsi untuk menyokong anda dan orang yang anda sayangi,” katanya.

Majlis iftar tersebut disaja oleh OneRHT Foundation, yang diwakili oleh firma undang-undang RHT-LawAsia, serta pusat halal sehati Wares Halal Limited.

Semasa majlis itu, kanak-kanak dan keluarga mereka turut menikmati persembahan dan permainan untuk merayakan majlis yang meriah itu, dan membawa balik beg cenderahati termasuk makanan ringan dan kuih-muih.



Original:

**Majlis buka puasa bagi keluarga bekas pesalah**

*Majlis anjuran NeuGen Fund, badan amal yang dibentuk Iscos bagi sokong keluarga, kanak-kanak pesalah dadah*

SEKITAR 500 tetamu yang terdiri daripada keluarga bekas pesalah berpendapatan rendah menghadiri majlis berbuka puasa yang dianjurkan oleh NeuGen Fund pada Rabu.

NeuGen adalah sebuah badan amal yang ditubuhkan oleh Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) yang menyokong kanak-kanak dan keluarga bekas pesalah.

Majlis iftar itu, yang diadakan di HomeTeamNS Khatib, adalah acara Ramadan pertama secara fizikal dianjurkan NeuGen sejak pandemik Covid-19 melanda.

Acara itu diserikan tetamu terhormat, Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara), Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim.

Sejak 2017, NeuGen telah menyokong lebih 1,000 kanak-kanak dan keluarga bekas pesalah dengan tujuan untuk mencegah kesalahan merentasi generasi.

Badan amal itu telah berkhidmat, secara purata, kepada 500 kanak-kanak dan 250 keluarga setiap tahun.

Ini dicapai melalui pendekatan holistik dan intervensi proaktif melalui pendidikan, memperkasa keyakinan serta dan membina persekitaran yang memupuk.

Semasa majlis iftar itu, NeuGen menekankan bahawa terdapat kaitan yang kukuh antara pemenjaraan ibu bapa dengan risiko kanak-kanak terjerumus dalam kancah jenayah pada masa hadapan.

Cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak dan keluarga bekas pesalah termasuk ketidakhadiran ibu bapa, kesempitan kewangan, perasaan sedih ditinggalkan, harga diri yang rendah, perasaan malu dan stigma daripada masyarakat.

Menurut Majlis Khidmat Sosial Kebangsaan (NCSS) Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF), kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa pesalah adalah tiga kali lebih berkemungkinan menjadi pesalah.

Sementara itu, satu daripada setiap lima kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang diberkas akibat salah guna dadah menghadapi risiko ikut jejak sama antara generasi, menurut Perkhidmatan Penjara Singapura.

Bercakap di majlis itu, Dr Faishal mengiktiraf NeuGen atas usaha berterusan mereka untuk mempromosikan ikatan dan kebersamaan keluarga.

"Kanak-kanak adalah masa depan kita. Pemerintah akan terus bekerjasama dengan rakan kongsi seperti NeuGen untuk memastikan kanak-kanak kita menerima sokongan yang mereka perlukan untuk membesar dengan baik.

"Saya juga ingin memberi jaminan kepada anda bahawa pemerintah sedang bekerja keras dengan semua rakan kongsi untuk menyokong anda dan orang yang anda sayangi," katanya.

Majlis iftar tersebut ditaja oleh OneRHT Foundation, yang diwakili oleh firma undang-undang RHTLawAsia, serta pusat halal sehenti Warees Halal Limited.

Semasa majlis itu, kanak-kanak dan keluarga mereka turut menikmati persembahan dan permainan untuk meraikan majlis yang meriah itu, dan membawa balik beg cenderahati termasuk makanan ringan dan kuih-muih.



***"Kanak-kanak adalah masa depan kita. Pemerintah akan terus bekerjasama dengan rakan kongsi seperti NeuGen untuk memastikan kanak-kanak kita menerima sokongan yang mereka perlukan untuk membesar dengan baik. Saya juga ingin memberi jaminan kepada anda bahawa pemerintah sedang bekerja keras dengan semua rakan kongsi untuk menyokong anda dan orang yang anda sayangi."***

***- Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara), Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, semasa berucap di majlis berbuka puasa anjuran NeuGen Fund.***



**EDAR CENDERAHATI:** Encik Azman Jaafar, rakan kongsi pengurusan firma undang-undang RHTLawAsia, yang mewakili penaja OneRHT Foundation, menyampaikan beg cenderahati mengandungi makanan ringan dan kuih-muih kepada benefisiari NeuGen Fund.  
– Foto-Foto NEUGEN

Translation:

**Iftar (breaking of fast) event for families of ex-offenders**

*Organised by NeuGen Fund, a charity formed by ISCOS to support children and families of reformed offenders*

About 500 attendees from low-income families of ex-offenders came for the Iftar event hosted by NeuGen Fund (“NeuGen”) on Wednesday.

NeuGen is a charity set up by Industrial & Services Co-operative Society Limited (ISCOS) to support children and families of reformed offenders.

Held at HomeTeamNS Khatib, the event was the first physical Ramadan event by NeuGen since the pandemic times.

The event was graced by Guest of Honour, Minister of State for Home Affairs and National Development, A/P Muhammad Faishal Ibrahim.

Since 2017, NeuGen has supported over 1,000 children and families of reformed offenders with the main aim of preventing intergenerational offending.

On average, the charity reaches out to 500 children and 250 families every year. This is achieved through a holistic approach and proactive interventions through the pillars of education, personal voice, growth and nurturing environment.

NeuGen places emphasis on the strong correlation between the parents’ incarceration and the risk of the children falling into the cycle of crime and offending in future. The challenges faced by children and families of reformed offenders include parental absence, financial struggles, the feelings of shame and abandonment, low self-esteem and social stigma.

According to a study by National Council of Social Service (NCSS) and Ministry of Social and Family Development (MSF), children of incarcerated parents are three times more likely to offend. On the other hand, one in every five of these children with drug-offending parents face a similar risk based on the statistics by Singapore Prison Service.

Speaking at the event, Dr Faishal recognised NeuGen’s continuous efforts to promote family bonding and togetherness.

“Children are our future. The Government will continue to work with partners like NeuGen to ensure our children receive the support they need to grow up well. And I want to assure you that the Government is working very hard with all our partners to support you, to support your loved ones,” said Dr Faishal in his opening remarks.

The event was sponsored by OneRHT Foundation (represented by law firm RHTLawAsia) and one-stop halal centre, Warees Halal Limited. Children and families enjoyed the performances and games at the lively occasion and brought home festive goodies such as snacks and confectioneries.





***“Children are our future. The Government will continue to work with partners like NeuGen to ensure our children receive the support they need to grow up well. And I want to assure you that the Government is working very hard with all our partners to support you, to support your loved ones.”***  
***- Minister of State for Home Affairs and National Development, A/P Muhammad Faishal Ibrahim at the Iftar event held by NeuGen Fund.***



Giving out goodie bags: Mr Azman Jaafar, Managing Partner, RHTLaw Asia (representing OneRHT Foundation) gave out festive goodies containing snacks and confectioneries to beneficiaries of NeuGen.  
– Photos by NEUGEN

